

01 MAY 1997

Saleh-Proton

DRB-HICOM SEDIA BERBINCANG DENGAN MENTERI DAN PENGGUNA

KUALA LUMPUR, 1 Mei (Bernama) -- Kumpulan DRB-Hicom sedia berbincang dengan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Abu Hassan Omar dan wakil Majlis Hal Ehwai Pengguna Negeri-negeri (MHEPN) berhubung rungutan pengguna terhadap kereta nasional, Proton.

Pengerusi Eksekutifnya, Datuk Saleh Sulong berkata, kumpulan itu yakin dapat menyelesaikan segala masalah berkaitan dengan kereta-kereta keluaran Proton yang dibangkitkan selama ini jika kesemua pihak yang menghadiri perbincangan berpandangan positif.

"Saya rasa perkara ini bukanlah masalah yang besar. Kalau perkara ini dibincangkan dengan positif maka sudah tentu pihak-pihak berkenaan akan memahami kedudukan sebenar," katanya ketika ditemui pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang, dekat sini, selepas mengucapkan selamat jalan kepada Dr Mahathir yang akan melawat tiga buah negara Afrika selama seminggu.

Pada 26 April lepas, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwai Pengguna, Datuk Abu Hassan Omar berkata, semua masalah pengguna terhadap kereta nasional itu akan dibincangkan dalam pertemuan antara pembuat dan pengedar Proton dengan MHPEN pada 9 Mei ini.

Abu Hassan berkata, antara masalah yang selalu dibangkitkan ialah kelewatan mendapatkan kereta baru, harga kereta terpakai yang mahal serta masalah alat ganti dan aksesori.

Mengenai kelewatan mendapatkan kereta baru yang ditempah tanpa aksesori tambahan, Saleh berkata, wakil-wakil penjual memerlukan masa yang lama sedikit kerana kebanyakan kereta keluaran Proton sememangnya sudah dipasang dengan aksesori yang difikirkan perlu.

"Kita pasang lebih awal kerana pada jangkaan kami kebanyakan orang hendak aksesori berkenaan tetapi apabila ada seorang dua yang tak hendak satu atau dua daripada aksesori-aksesori itu, kita tak boleh keluarkan daripada kereta yang ada sebab tak mahu tinggalkan kesan.

"Jadi bila kena cari kereta lain, mungkin berlaku sedikit kelewatan," katanya.

Aksesori seperti pendingin hawa sememangnya perlu dipasang di kilang Proton sendiri bagi memastikan ia sesuai dengan keupayaan enjin kereta, katanya.

Jika aksesori yang dipasang tidak sesuai dengan kereta, pengguna bukan menyalahkan aksesori tetapi mereka akan menyalahkan kereta, katanya.

Saleh berkata, Proton dan wakil-wakil penjual kereta nasional itu tidak pernah memaksa pembeli mengambil semua aksesori yang ada tetapi pada masa yang sama tidak boleh menjanjikan kereta yang ditempah tanpa aksesori boleh dibekalkan mengikut tempoh yang dijanjikan seperti kereta yang ada semua aksesori.

"Sebenarnya kita memberi pilihan kepada pembeli untuk menentukan sama ada mereka hendak aksesori atau tidak. Tidak ada elemen paksaan," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, memang pernah ada segelintir wakil penjual, yang kerana terlalu ghairah untuk menjual sebanyak mungkin aksesori tambahan, telah menggunakan taktik melambat-lambatkan penghantaran kereta baru tetapi kumpulan kecil itu sudahpun diberi amaran keras.

Mengenai dakwaan pengguna bahawa harga aksesori yang dipasang Proton lebih mahal daripada yang dijual syarikat lain, beliau berkata, aksesori-aksesori Proton dijamin mutunya dan dijual pada harga yang berpatutan.

"Seperti juga alat-alat ganti kita. Kalau dibeli daripada syarikat yang bukan pembekal sah, harganya mungkin lebih murah tetapi ia bukanlah alat ganti tulen," katanya. -- BERNAMA.

AH PR